

17 FEB 2003

Koh-Aman

PULAU PINANG HANTAR 5,000 SERTAI PERHIMPUNAN AMAN

PULAU PINANG, 17 Feb (Bernama) -- Kerajaan negeri akan menghantar kira-kira 5,000 orang menyertai perhimpunan keamanan anjuran Perikatan Keamanan Rakyat Malaysia (Aman Malaysia) di Stadium Bukit Jalil, Ahad ini sebagai tanda sokongan terhadap usaha mewujudkan keamanan sejagat.

Ketua Menteri Tan Sri Dr Koh Tsu Koon berkata mereka terdiri daripada kakitangan jabatan dan agensi kerajaan, wakil parti politik dan pertubuhan bukan kerajaan (NGO).

Mereka akan menaiki 90 buah bas pada pagi Ahad itu dan membawa bersama-sama pelbagai sepanduk dan banting tertera "Penang For Peace" dalam pelbagai bahasa sebagai sokongan pada perhimpunan malam itu, katanya kepada pemberita selepas menerima senarai 100,000 tanda tangan daripada wakil beberapa pertubuhan di negeri ini, di sini, hari ini.

Beliau menjangka lebih ramai lagi yang akan hadir pada majlis itu secara individu.

Dr Koh berkata senarai tanda tangan yang diterimanya hari ini akan diserahkan kepada Aman Malaysia esok.

Bagaimanapun, beliau percaya banyak lagi tanda tangan yang telah diterima tetapi tidak diserahkan kepadanya hari ini sebaliknya akan diserahkan sendiri oleh wakil-wakil terbabit kepada pihak penganjur.

"Saya mengucapkan terima kasih terhadap sokongan semua pihak dalam menjayakan kempen kutipan tanda tangan ini," katanya.

Perhimpunan keamanan di Stadium Bukit Jalil itu akan dihadiri Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

-- BERNAMA

NER NAK